

Persepsi Guru Novis Bahasa Melayu Terhadap Pengaplikasian Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT

Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Program i-Think telah berjalan selama lebih daripada sepuluh tahun. Pendedahan kepada peta pemikiran i-Think pada peringkat sekolah melibatkan semua peringkat guru termasuklah guru novis. Peta pemikiran i-Think juga diperkenalkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk semua mata pelajaran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru novis bahasa Melayu terhadap pengaplikasian peta pemikiran i-Think dalam PdP bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan kaedah kajian kes yang menggunakan pensampelan bertujuan yang melibatkan lima orang informan di dua buah sekolah rendah di daerah Sipitang, Sabah. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati bahawa terdapat tiga dapatan utama yang menunjukkan persepsi positif guru novis bahasa Melayu terhadap pengaplikasian peta pemikiran i-Think dalam PdP bahasa Melayu. Persepsi tersebut adalah berkaitan kebaikan, keberkesanan dan kewajaran menggunakan peta pemikiran i-Think bagi tujuan PdP. Pendedahan kepada pemikiran i-Think sangat penting dalam usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid.